



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BAUKUR 2016-2018

MEI 2018

BIL NO	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1	AHLI TERTINGGI BAUKUR 2016 - 2018	2
2	KEMPEN KEBERSIHAN UKUR	3
3	BANTUAN AMAL AWANG RIDUHAN	4
4	JABATAN UKUR BERUSIA 65 TAHUN	5
5	UKUR MENJUARAI BOLA SEPAK	6
6	SEMARAK RAMADHAN DENGAN TADARUS AL-QURAN	7
7	BANTUAN AMAL DI BULAN RAMADHAN	8
8	RENCANA KESIHATAN	9

BAUKUR 2016-2018

MS 1/9



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

EDISI KE - 9 BAUKUR 2018

BAUKUR 2016-2018

MEI 2018

BADAN BAUKUR :: AHLI TERTINGGI BAUKUR 2016 –2018

PENASIHAT	:	HJ ALI BAKAR BIN HJ KASIM
YANG DI PERTUA	:	PG HJH HASNALIATI BINTI PSJ PG HJ ABD MOMIN
NAIB YANG DI PERTUA	:	DK SITI SAIHALINA BINTI PG HJ IBRAHIM
PENGERUSI	:	NOR LIZA BINTI HJ MOHAMED DAUD
SETIAUSAHA AGUNG	:	HJH NONA LIEZA BINTI HJ YAHYA
TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG	:	PG MD NORHASHIMI PG HJ BUNGSU
PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG	:	PG MASNAH BINTI PG HJ AHMAD
BENDAHARI AGUNG	:	NORHAZEMAH BINTI KALONG
TIMBALAN BENDAHARI AGUNG	:	HJH NURHAYATI BINTI HJ MUHD SAID
KETUA BAHAGIAN KEBAJIKAN	:	HJ MUHD AZRI BIN ABDULLAH EDONG
KETUA BAHAGIAN SOSIAL	:	HJH AIERNA BINTI HJ BAKAR
KETUA BAHAGIAN SUKAN	:	SUMARDI BIN MASTANI
KETUA BAHAGIAN UGAMA	:	PG HJ NORDIN BIN PG HJ AHMAD
AHLI	:	HJ HAMIDUN BIN HJ ISMAIL
	:	HJH MARLINASSURIWANIE BINTI ABDULLAH
	:	SITI NOOR RAMZIYAH BINTI NOOR
	:	HJH MAIMUNAH BINTI HJ OSMAN
	:	DK AZIANTY BINTI PG HJ OTHMAN

BAUKUR 2016-2018

MS 2/9



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

EDISI KE - 9 BAUKUR 2018

BAUKUR 2016-2018

MEI 2018




Photo :: UKUR Kempen Kebersihan

KEMPEN KEBERSIHAN UKUR

UKUR: Program Kempen Kebersihan yang diungkayahkan oleh Badan Kebajikan dan Sukan Jabatan Ukur (BAUKUR) pada 20 Mei 2017. Ianya bertujuan bagi meningkatkan kesedaran dan kepentingan menjaga kebersihan dikawasan sekelilingan bangunan Jabatan Ukur.

Acara kempen kebersihan bermula pada jam 4 petang.

Turut menyertai program kempen kebersihan adalah pegawai-pegawai kanan dan seluruh warga ukur di Ibu Pejabat dalam sama-sama menjayakan kempen kebersihan tersebut. Diantara tujuan kempen kebersihan tersebut adalah memastikan supaya longkang tidak tersumbat yang mana akan menghalang laluan pengaliran air.

Pihak Baukur juga menyediakan beberapa peralatan perkakas bagi kempen tersebut seperti kereta sorong, cangkul, baldi, skop, peyapu, blower dan lain-lain keperluan. Disamping itu juga pembahagian kawasan kempen kebersihan telah dimaklumkan awal kepada setiap bahagian bagi memudahkan perancangan serta kelancaran program yang diungkayahkan.

Program kempen kebersihan ini dihasratkan untuk memastikan kebersihan adalah tanggungjawab bersama bukan hanya di pihak kerajaan semata-mata.



Photo :: UKUR Kempen Kebersihan

BAUKUR 2016-2018

MS 3/9



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN


EDISI KE - 9 BAUKUR 2018

BAUKUR 2016-2018

MEI 2018



Photo :: Bantuan Amal



BANTUAN AMAL AWANG RIDUHAN

KG. SG. MATAN: Jabatan Ukur melalui Badan Kebajikan dan Sukan Jabatan Ukur (BAUKUR) telah mengungkayahkan bantuan derma kewangan kepada Awang Riduhan bin Hj Asbi yang telah ditimpa musibah pada 21 Mei 2017. Kejadian tersebut menyebabkan Awang Riduhan dan seisi keluarganya telah kehilangan tempat kediaman. Beliau merupakan kakitangan Bahagian Pengurusan Kualiti dan Aset.

Pada 07 Jun 2017, acara majlis penyampaian sumbangan derma bantuan kewangan telah diadakan di Bilik Hidayat yang disampaikan oleh Pmk. Juruukur Agung, Hj Ali Bakar bin Hj Kasim. Turut hadir terdiri dari pmk. Timbalan Juruukur Agung (TJUA), Pmk. Penolong Juruukur Agung (PJUA), Ketua-Ketua Bahagian dan wakil Badan Kebajikan dan Sukan Jabatan Ukur (BAUKUR). Sumbangan derma tersebut adalah hasil kutipan dari seluruh warga ukur.

Aktiviti gotong-royong dan memunggah barang juga telah dilaksanakan bersama pegawai dan kakitangan Bahagian Pengurusan Kualiti dan Aset.

Terima kasih kepada seluruh warga ukur yang telah menyumbangkan bantuan samada dari segi kewangan dan tenaga dalam sama-sama meringankan beban yang menimpa Awang Riduhan serta keluarga.

Selaras dengan objektif Badan Kebajikan dan Sukan Jabatan Ukur (BAUKUR) iaitu beramal untuk kebajikan dan amal jariah`



Photo :: Bantuan Amal

BAUKUR 2016-2018

MS 4/9



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

EDISI KE - 9 BAUKUR 2018

BAUKUR 2016-2018

MEI 2018



Photo : UKUR 65 Tahun

JABATAN UKUR BERUSIA 65 TAHUN

MASJID ASH SHAHLIHEEN: Dalam mengingati penubuhan Jabatan Ukur lebih 6 dekad. Kronologi sejarah Jabatan Ukur mula ditubuhkan pada bulan Jun tahun 1952 yang terletak di Jalan Pearce, berhampiran Bangunan Sekretairat dan diketuai oleh A.O Sticking selaku Ketua Juruukur pertama dengan keramaian 20 orang kakitangan.

Jabatan Ukur melalui Badan Kebajikan dan Sukan Jabatan Ukur (BAUKUR) telah diberi mandat untuk mengungkapahkan Majlis Membaca Surah Yassin, Tahlil dan Doa Kesyukuran Sempena 65 tahun penubuhan Jabatan Ukur yang telah diadakan pada 20 Syaaban 1438H bersamaan 23 Mei 2017 bertempat di Masjid Ash Shahliheen.

Atucara majlis di antaranya sembahyang fardhu maghrib dan isya berjemaah. Bacaan surah yassin dan tahlil serta bacaan doa selamat di pimpin oleh pegawai masjid.

Disamping itu juga penyampaian buku-buku tahlil untuk diwakafkan kepada Masjid Ash Shahliheen.

Turut hadir pada majlis tersebut terdiri daripada warga ukur dan mantan pegawai ukur serta kakitangan yang pernah berkhidmat dengan Jabatan Ukur.



Photo :: UKUR 65 Tahun

BAUKUR 2016-2018

MS 5/9



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

EDISI KE - 9 BAUKUR 2018

BAUKUR 2016-2018

MEI 2018



Photo : UKUR Juara Bolasepak

UKUR MENJUARAI BOLA SEPAK

PADANG BELAPAN: Pada 24 Mei 2017, Perlawanan Bola Sepak 11 sepasukan Kementerian Pembangunan yang dikelolakan oleh Jabatan Perumahan. Perlawanan Akhir berlangsung di padang Belapan pada jam 8.00 malam menyaksikan Jabatan Ukur Vs Jabatan Air (JKR).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis adalah Yang Berhormat Dato Haji Bahrin bin Haji Abdullah, Menteri Pembangunan.

Format perlawanan bola sepak adalah secara liga. Jabatan Ukur ditempatkan dalam kumpulan A bersama Jabatan Pentadbiran dan Kewangan (DAF), Jabatan Saliran dan Pembentongan (DDS), Jabatan Bangunan (DBS), Jabatan Alam Sekitar dan Taman Rekreasi (JASTRE) serta Jabatan Teknikal (DTS).

Pasukan Ukur telah melayakkan diri keperlawanan akhir setelah Berjaya melepasi saringan diperingkat awal.

Jaringan pertama dari Pasukan Ukur telah dijaringkan oleh Awang Safuan yang memberikan kelebihan mata untuk mendahului pasukan lawan. Tahniah juga kepada pemain bolasepak yang berjaya menjaringkan gol diantaranya Abg Norsillmy dan Hj Subhi. Kemenangan Bolasepak 11 Sepasukan dimenangi oleh Pasukan Ukur dengan jaringan 4-2.

Syabas Awang Safuan juga dinobatkan sebagai pemain terbaik.

Terima kasih kepada penyokong yang turut hadir dalam sama-sama memberikan sokongan dan semangat kepada pasukan ukur.



Photo :: UKUR Juara Bolasepak

BAUKUR 2016-2018

MS 6/9



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

EDISI KE - 9 BAUKUR 2018

BAUKUR 2016-2018

MEI 2018



Photo : Semarak Ramadhan

SEMARAK RAMADHAN DENGAN TADARUS AL-QURAN

PKD: Program Tadarus dan Khatam Al-Quran merupakan acara tahunan Jabatan Ukur. Pembahagian juzuk-juzuk kepada setiap bahagian dan cawangan daerah Ukur telah dimaklumkan awal melalui teamware. Tarikh selewatnya menghabiskan juzuk yang diamanahkan adalah pada 17 Jun 2017.

Bahagian Perundangan Kadaster telah dimandatkan untuk mengungkayahkan program keagamaan pada tahun ini bersama Badan Kebajikan dan Sukan Jabatan Ukur yang telah diadakan pada 22 Jun 2017.

Acara Majlis Tadarus dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Hj Ali Bakar bin Hj Kasim selaku tetamu kehormat majlis. Majlis juga diselajurkan dengan penyerahan derma kepada anak-anak yatim warga ukur yang disumbangkan oleh seluruh warga ukur serta Badan Kebajikan dan Jabatan Ukur (BAUKUR).

Tidak ketinggalan penyerahan kupon kepada wakil pengutip yuran serta kupon cabutan bertuah bagi ahli BAUKUR.

Amalan tradisi yang sudah lama dipraktikkan itu bukan sahaja boleh mencapai kesepakatan dan perpaduan malah mendapat rahmat dan berkah terutama di bulan Ramadhan yang terdapat didalamnya ganjaran pahala yang berlipat ganda. Aamiin.....



Photo :: Semarak Ramadhan

BAUKUR 2016-2018

MS 7/9



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

EDISI KE - 9 BAUKUR 2018

BAUKUR 2016-2018

MEI 2018



Photo :: Bantuan Amal

BANTUAN AMAL DIBULAN RAMADHAN

BELAIT, TUTONG , BRUNEI MUARA: Rombongan Jabatan Ukur yang diketuai oleh Pmk. Juruukur Agung, Hj Ali Bakar Bin Hj Kasim berserta dengan Pmk. TJUA, Pmk. PJUA, Ketua - Ketua Bahagian, Jurukur Daerah serta wakil BAUKUR sama-sama hadir untuk menyampaikan sumbangan bantuan bagi warga dan mantan ukur.

Seramai 4 penerima sumbangan derma yang telah dikenalpasti pada tahun ini. Penerima sumbangan bantuan terdiri dari Awang Bujang bin Osman, Awang Yakub bin Daud, Awang Adam dan Awang Serpini bin Hj Burut.

Pelbagai sumbangan telah diterima, diantaranya adalah keperluan asasi seperti beras, gula, minyak dan sebagainya. Bantuan sumbangan yang dihulurkan merupakan sumbangan dari seluruh warga dan mantan ukur.

Pada 24 Ramadhan 1438H bersamaan 19 Jun 2017, penyampaian bantuan telah sempurna disampaikan oleh Pmk. JUA bagi Awg. Bujang manakala sumbangan bantuan Awang yakub disampaikan oleh Pmk.PJUA dan Awang Adam disampaikan oleh Juruukur Daerah Tutong.

Manakala pada 25 Ramadan 1438H, Pmk. PJUA telah menyampaikan sumbangan kepada Awg Serpini bin Hj Burut.

Semoga Allah melimpahkan kurnia kepada hambanya dan dilipatgandakan pahala dan dibukakan rezeki seluas lautan diatas sumbangan bantuan yang dihulurkan kepada keluarga penerima dalam meringankan bebanan yang ditanggung.Aamiin.....



Photo :: Bantuan Amal

BAUKUR 2016-2018

MS 8/9



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

EDISI KE - 9 BAUKUR 2018

BAUKUR 2016-2018

MEI 2018

RENCANA :: KESIHATAN



Editor : Masnah Ahmad
Semak Oleh: Nor Liza Daud

BAUKUR 2016-2018

MS 9/9